

**PENGUMPULAN MAKLUMAT BERKENAAN AMALAN-AMALAN TERBAIK/INOVASI AGENSI-AGENCI SEKTOR AWAM  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

BIL	JABATAN/ BAHAGIAN	KUMPULAN INOVASI	TAJUK INOVASI	RINGKASAN PROJEK	IMPAK INOVASI
1.	Dewan Bahasa dan Pustaka		Khidmat Pengesahan Bahasa DBP (KPBDBP) dalam Talian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertujuan untuk memudahkan pelanggan mendapatkan pengesahan bahasa dalam iklan, nama khas dan dokumen</li> <li>Mempercepat urusan penyemakan dan pengesahan bahasa</li> <li>Menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul dalam iklan, nama khas dan dokumen</li> <li>Sebelum ini penyemakan dan pengesahan penggunaan bahasa dalam iklan, nama khas dan dokumen dibuat secara manual iaitu pelanggan datang ke DBP dengan membawa bahan atau dokumen untuk semakan dan pengesahan. Urusan penyemakan dan pengesahan bahasa secara manual mengambil masa antara 24 jam hingga 48 jam hari bekerja. Dengan KPBDBP dalam talian, pengguna boleh</li> </ul>	<p><b>Output</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Purata 30 iklan diterima sehari dan diberikan kelulusan dalam tempoh 24 jam hari bekerja. Iklan yang diperagakan menggunakan bahasa kebangsaan yang baik dan betul</li> </ul> <p><b>Replicability</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Inovasi ini boleh dilaksanakan di semua PBT atau di mana-mana tempat yang memerlukan khidmat pengesahan bahasa dalam talian</li> </ul> <p><b>Penjimatan masa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan boleh memperoleh pengesahan bahasa dalam iklan pada hari yang sama jika iklan diterima sebelum pukul 5.00 petang. Jika iklan diterima selepas waktu pejabat, pengesahan iklan boleh diperoleh pada hari bekerja yang berikutnya.</li> </ul> <p><b>Penjimatan Kos</b></p>

BIL	JABATAN/ BAHAGIAN	KUMPULAN INOVASI	TAJUK INOVASI	RINGKASAN PROJEK	IMPAK INOVASI
				mendapatkan pengesahan bahasa iklan dalam tempoh 24 jam hari bekerja.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanggan tidak perlu datang sendiri ke DBP dan boleh mendapatkan pengesahan secara dalam talian</li> </ul> <p><b>Peningkatan Produktiviti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Purata 30 iklan diterima dan disahkan pada hari bekerja yang sama. Pada masa hadapan, sistem ini akan dipautkan kepada semua PBT bagi mempermudah pelanggan memperoleh kelulusan iklan daripada PBT</li> </ul> <p><b>Penjanaan Pendapatan (sekiranya berkaitan)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada peringkat awal ini, pengesahan bahasa dalam iklan tidak akan dikomersialkan. Ini kerana matlamat utama DBP ialah menggalakkan sebanyak mungkin syarikat pengiklanan menggunakan bahasa Melayu yang baik dan betul dalam iklan mereka, tidak kira iklan yang disiarkan dalam media cetak, media elektronik atau pada papan iklan. Dengan strategi</li> </ul>

BIL	JABATAN/ BAHAGIAN	KUMPULAN INOVASI	TAJUK INOVASI	RINGKASAN PROJEK	IMPAK INOVASI
					<p>yang betul, sistem ini berpotensi besar untuk menjana pendapatan bagi DBP pada masa hadapan</p> <p><b>Mesra Pelanggan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengesahan di hujung jari. Sistem ini dikemaskini dari masa ke semasa untuk kemudahan pelanggan</li> </ul> <p><b>Pengiktirafan Dalam/Luar Negara</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengiktirafan dapat dilihat apabila PBT mewajibkan semua pelanggan menggunakan sistem ini bagi tujuan pengesahan bahasa.</li> </ul>